

Sandiwara

Kit Siang: PM

Oleh ZAINI ZAINUDDIN
dan SHARIFAH MUNIRAH

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Encik Lim Kit Siang meletak jawatannya sebagai Setiausaha Agung DAP sebagai "satu lagi sandiwara pemimpin pembangkang itu untuk menarik perhatian penyokong dan pengundi".

Menurutnya, tidak lama nanti, sudah tentulah ada rakan-rakannya yang akan memujuk beliau supaya menarik balik keputusannya untuk bersara.

"Inilah sandiwara DAP. Ia bukan sesuatu yang luar biasa, malah peristiwa yang sama pernah berlaku sebelum ini, yang mana pemimpin berkenaan akan balik semula memegang jawatan lamanya selepas beberapa kali dipujuk," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian kepada pemberita selepas majlis makan malam ulangtahun ke-25 Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB), di sini malam ini sebagai mengulas perletakan jawatan Encik Lim sebagai Setiausaha Agung DAP berikutan kegagalan parti itu menawan Pulau Pinang menerusi projek Tanjung Dua, dalam pilihanraya Ahad lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, orang seperti Encik Lim hanya mengutamakan kepentingan peribadi "kerana nanti beliau akan balik semula ke jawatan lamanya, kononnya demi kepentingan parti dan sokongan rakan-rakannya."

"Saya percaya selepas ini, dia (Encik Lim) akan balik semula dan menjadi Setiausaha Agung DAP sekali lagi," katanya.

Sementara itu di Georgetown, Pengerusi Gerakan Bahagian Padang Kota, Encik Boey Weng Kiat meminta Encik Lim diminta segera bersara daripada politik supaya beliau tidak dianggap sebagai pembohong oleh pengundi dan rakyat Pulau Pinang.

Katanya, langkah Encik Lim meletakkan jawatan sebagai ketua pembangkang dan Setiausaha Agung DAP adalah paling mudah untuk ditunaikannya sekarang.

Menurutnya, Encik Lim perlu bertanggungjawab di atas kegagalan DAP dalam projek Tanjung Dua seperti yang dijanjikan.

"Encik Lim pernah berjanji bahawa beliau akan menarik diri daripada politik jika projek Tanjung Dua gagal," katanya.

Encik Lim berkata beliau sudah menghantar surat perletakan jawatan kepada Pengerusi DAP Kebangsaan, Dr Chen Man Hin, semalam.

Bercakap dalam sidang akhbar di Pulau Pinang hari ini Encik Lim menyifatkan kegagalan DAP mencapai matlamat Tanjung Dua di samping kekalahan beberapa pemimpin tinggi DAP bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dalam pilihanraya lalu sebagai faktor utama mendorongnya meletakkan jawatan.

Beliau enggan menjawab beberapa pertanyaan pemberita, sebaliknya hanya membacakan kenyataan yang sudah disediakan.

Beberapa pihak menyifatkan tindakan Encik Lim itu sebagai taktik sementara bagi mencari simpati rakyat Pulau Pinang.

"Keputusan Encik Lim itu bukanlah langkah terakhirnya kerana beliau mungkin memegang semula jawatan itu beberapa hari lagi sekiranya dituntut oleh parti," kata Setiausaha Badan Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang, Dr Ibrahim Saad.

"Umno Pulau Pinang tidak terkejut dengan tindakan Encik Lim. Itu cuma helahnya untuk mengelak bersara daripada politik. Ini taktik Encik Lim untuk mendapat simpati rakyat Pulau Pinang," katanya.

Katanya, Umno negeri memang menjangka Encik Lim akan meletakkan jawatan kerana beliau sendiri berjanji berbuat demikian sekiranya DAP gagal memerintah negeri ini melalui projek Tanjung Dua.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menyifatkan pengumuman Encik Lim Kit Siang itu sebagai satu lagi 'sandiwara' Encik Lim untuk menarik perhatian rakyat.

"Beliau (Encik Lim) patut mendapat 'oskar' kerana kebijaksanaannya berlakon," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan perbincangan dengan pemimpin MCA negeri di sini, hari ini.

Menurutnya, Encik Lim perlu mencari sendiri jalan keluar daripada masalah yang ditimbulkannya.

Apabila ditanya bagaimanakah Encik Lim akan menyelamatkan dirinya daripada masalah itu, beliau berkata: "Itu adalah masalahnya."

Datuk Seri Dr Ling menyelar Encik Lim berhubung dakwaan kononnya beliau (Datuk Seri Dr Ling) hanya boleh menang dalam pilihanraya dengan bantuan undi orang Melayu.

"Kami adalah pemimpin rakyat Malaysia. Oleh itu, adalah penting kami mendapat sokongan seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau bangga kerana MCA mendapat sokongan seluruh rakyat Malaysia dan tidak hanya daripada satu kaum sahaja.

Menurutnya, adalah penting sesebuah parti yang ingin memperjuangkan nasib rakyat sebuah negara berbilang kaum mendapat sokongan semua kaum bagi memastikan ia mampu mencapai matlamat perjuangannya.

"Kami adalah pemimpin yang sederhana dan tidak bersikap pelampau," katanya.